

# Forum bidas sikap angkuh Singapura

94 7 6 DEC 2002

SINGAPURA, Ahad - Ahli panel sebuah forum politik di sini semalam membidas sikap sombong kerajaan dan rakyat republik itu terhadap jirannya, termasuk Malaysia biarpun hakikatnya ia mempunyai banyak kelemahan.

Malah, ada hadirin yang turut menyuarakan rasa tidak puas hati kerana keangkuhan Singapura yang enggan bertolak ansur dalam isu air dan menerima tuntutan Malaysia.

Mereka turut berpendapat sikap bongkak republik itu tidak membawa sebarang faedah kerana biarpun merdeka, Singapura sebenarnya memiliki banyak kelemahan yang boleh mengancam kedudukannya sebagai negara bebas.

Akhbar *Sunday Times* hari ini melaporkan, seorang ahli panel yang juga felokan Institut Pertahanan dan Pengajian Strategik Singapura, Dr Leonard Sebastian, berkata tindakan Singapura memberi penekanan pada aspek ekonomi dalam hubungannya dengan Indonesia boleh memberi gambaran yang ia adalah negara yang sombong dan bongkak.

"Dasar luar bukannya membabitkan soal pelaburan ekonomi yang membawa keuntungan semata-mata. Ia sebaliknya perlu bercirikan soal pembinaan institusi dan meningkatkan kemesraan antara dua negara," katanya pada Forum Politik di Kampus Kent Ridge, Universiti Nasional, semalam.

Pendapat itu turut dipersetujui ahli panel lain, Kirpal Singh yang mengajar di Universiti Pengurusan Singapura.

"Setiap kali saya membincangkan isu hubungan luar Singapura dengan golongan muda, mereka sering membuat kenyataan bahawa jika mereka (negara jiran) tidak suka, mereka yang rugi bukannya kita."

Katanya, sikap pentingkan diri sendiri yang dipamerkan rakyat republik itu hanya mengundang masalah.

"Sehubungan itu, saya mencadangkan lebih banyak pertukaran pelajar universiti tempatan dengan pelajar di negara jiran diadakan bagi memulihkan hubungan dua negara pada peringkat asas lagi," katanya.

Ini penting kerana, antara bukti ketara keangkuhan Singapura adalah sikap universiti tempatan yang lebih berminat menganjurkan program pertukaran pelajar dengan universiti Britain atau Amerika Syarikat kerana menganggap sistem pendidikan Barat lebih berkualiti.

Dalam pada itu, ahli panel yang juga Pengarah Institut Pengajian Asia Tenggara dan bekas Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia, K Kesavapany, cuba mempertahankan pendirian republik itu dalam isu air dengan Malaysia.

"Jika rakyat benar-benar memahami isu ini, pendirian Singapura itu bukannya angkuh. Sebaliknya Malaysia yang sering mengubah pendiriannya dalam perbincangan yang diadakan," katanya.

Dia turut mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat tawaran bertulis harga air itu 60 sen, tetapi beberapa bulan kemudian ia meningkat kepada RM3 bagi setiap 1,000 gelen air.

"Ini menunjukkan pihak satu lagi cuba mengambil kesempatan dalam isu itu," katanya.

Sikap ego Perdana Menteri, Goh Chok Tong turut ditekankan apabila seorang panel, Catherine Lim membidas pendirian Goh yang didakwa tidak mesra rakyat, jauh sekali mendengar rintihan warga republik itu. - Agensi